

SIARAN MEDIA

2 Mei 2013
 CBMR-5-RFI-10-MoAUKMUSM-v1

UNTUK SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA – UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA METERAI PERJANJIAN TAWAR MODUL KURSUS DALAM KESELAMATAN SIBER

Kerjasama dua-hala dalam menawarkan kursus untuk menghasilkan pakar-pakar serta para profesional tempatan di bidang keselamatan siber

(BANGI, SELANGOR) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber Nasional dan juga agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada hari ini memeterai memorandum perjanjian (MoA) bagi menawarkan modul kursus yang membawa kepada penganugerahan Ijazah Sarjana dalam bidang Keselamatan Siber.

Melalui kerjasama ini, UKM akan menawarkan program Ijazah Sarjana Keselamatan Siber, di mana modul kursus ini telah dibangunkan secara bersama oleh CyberSecurity Malaysia dan UKM. Pelajar yang mengikuti kursus ini akan menjalani sesi akademi di UKM, manakala sebahagian latihan praktikal dan profesional akan dilaksanakan di CyberSecurity Malaysia.

“Evolusi ICT yang begitu pesat di Malaysia telah memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak untuk menyalurkan perkhidmatan bagi menjana ekonomi Negara, mempertingkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di samping merancakkan lagi aktiviti sosio ekonomi masyarakat Malaysia. Namun, penggunaan ICT juga menyumbang kepada peningkatan risiko keselamatan siber. Justeru, perlu ada pendidikan formal untuk mendapatkan ilmu pengetahuan bagi memupuk



kesedaran mengenai keselamatan siber.” kata Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed, Pengerusi CyberSecurity Malaysia.

Ujar Tan Sri Azumi lagi, risiko ancaman siber ini turut melibatkan sektor-sektor prasarana Infrastruktur Maklumat Kritis Negara atau CNII, disebabkan oleh wujudnya kelemahan dalam aspek pembangunan dan pengurusan sistem rangkaian maklumat. Maka, Negara perlu mempunyai pakar atau golongan profesional keselamatan siber tempatan yang mencukupi untuk mengurus sistem rangkaian CNII.

Sementara itu, dalam ucapan Naib Canselor, UKM, Prof. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, beliau berkata “Kolaborasi pengendalian modul kursus keselamatan siber bersama CyberSecurity Malaysia bertujuan menyediakan modal insan profesional tempatan yang mampu dan berkebolehan menangani jenayah siber serta mempertahankan harta siber bagi sesbuah organisasi di samping menghayati nilai etika siber yang sewajarnya dan sentiasa meneroka ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat.”

Kursus Ijazah Sarjana Keselamatan Siber ini akan ditawarkan mulai tahun ini. Tempoh pembelajaran adalah antara satu hingga tiga tahun bagi program sepenuh masa dan dua hingga empat tahun bagi program separuh masa. Kaedah pengajian adalah secara kerja kursus, sementara implementasinya adalah secara bermodul.

Untuk melayakkan pelajar mengikuti program Ijazah Sarjana ini, secara amnya, mereka perlu memiliki Ijazah Sarjanamuda dalam bidang Komputeran dengan memiliki PNGK minimum 2.75, atau Ijazah Sarjanamuda dengan kepujian yang baik dalam bidang-bidang lain berserta pengalaman kerja dalam bidang Komputeran yang mencukupi.

Turut hadir di majis ini ialah Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Prof. Dr. Abdullah Md. Zin, Dekan Fakulti Teknologi dan



Securing Our Cyberspace

Best Brand
Information Security
2008 & 2009CERT NO. TS-BR05C-21917-205
074MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMPLES & ASSAY
(MYREF LABORATORY)MSC
MALAYSIA
Status CompanyRinggit
Malaysia
Protection WebsiteT +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H 1 300 88 2999**CyberSecurity Malaysia**
(728630-U)

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my

Sains Maklumat, UKM dan juga Encik Zahri Hj. Yunos, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia.

Tamat

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. Stay connected with us on www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia and www.twitter.com/cybersecuritymy

For further enquiries about this document, please call +603-89460999,
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895), or
Sandra Isnaji (ext: 0867), email media@cybersecurity.my